

19/11/1998

Anwar bercakap karut: PM

reports on "Dewan Rakyat" by Ahmad Burak; Saidon Idris
KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak perkara yang `karut' diperkatakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, artikel yang ditulis Anwar dalam akhbar Asian Wall Street Journal hari ini menunjukkan bahawa dakwaan beliau (Anwar) dihalang daripada menyuarakan pendapatnya adalah `karut'.

"Banyak perkara yang karut dinyatakannya, termasuk melalui media asing," katanya pada sidang akhbar di hari terakhir sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di sini hari ini.

Dr Mahathir menjawab soalan wartawan mengenai artikel ditulis Anwar mengkritik beliau mengamalkan kroni kapitalisme dan menyeru kepada kebebasan politik di Asia.

Anwar juga menyarankan negara-negara Asia supaya meneruskan reformasi yang diperlukan bagi mengatasi krisis ekonomi, bukan menyalahkan faktor luaran termasuk spekulator antarabangsa.

Ditanya sama ada pihak berkuasa mampu menyekat demonstrasi jalanan oleh penyokong Anwar selepas sidang kemuncak Apec nanti, Dr Mahathir berata pihak berkuasa mengendalikan mereka yang terbabit dalam demonstrasi dengan baik.

"Tetapi jika mereka memukul polis, apakah anda akan membiarkan saja tindakan itu? Polis juga manusia...mereka terpaksa mempertahankan diri masing-masing," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman menjelaskan sekali lagi bahawa pemecatan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bukan suatu pemecatan kerajaan.

Sebaliknya, beliau berkata, ia adalah pemecatan yang membabitkan jawatan politik.

"Pemecatan itu bukan pemecatan jabatan kerajaan, pemecatan jawatan Timbalan Perdana Menteri adalah pemecatan jawatan politik oleh Perdana Menteri manakala pemecatan ahli Umno adalah oleh Majlis Tertinggi (MT)," katanya menjawab soalan Buniyamin Yaacob (PAS-Bachok) di Dewan Rakyat hari ini..

Ketika menjawab soalan asal daripada ahli yang sama, Abdul Hamid berkata, kerajaan memang sedar pembangunan personaliti individu adalah penting.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan melalui beberapa agensinya terutamanya Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) akan terus menerapkan nilai Islam kepada semua peringkat masyarakat.

Ini meliputi pemimpin masyarakat, politik, pegawai serta kakitangan kerajaan dan usahawan.

(END)